



## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI 2017**

### **“INOVASI MENUNJANGI ASPIRASI TN50”**

---

**Putrajaya, 7 November 2017** – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017 pada hari ini di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis AIPM pada tahun ini bertemakan “Inovasi Menunjangi Aspirasi TN50” akan disempurnakan oleh YAB. Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sejumlah 1,000 tetamu termasuk finalis dan penerima AIPM 2017 dijangka menghadiri majlis anugerah ini.

2. AIPM diperkenalkan pada tahun 2009 sebagai galakan dan pengiktirafan terhadap usaha-usaha pencapaian inovasi kecemerlangan organisasi sektor awam yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.
  
3. Pengiktirafan terunggul sektor awam ini membawa ganjaran wang tunai sebanyak RM1 juta, trofi dan sijil turut mencerminkan aspirasi kerajaan dalam merealisasikan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50). Sepertimana pada tahun lepas, selain daripada penerima tempat pertama, penerima tempat kedua dan penerima tempat ketiga masing-masing akan diberi pengiktirafan ganjaran wang tunai sebanyak RM300,000.00 dan sijil serta RM200,000.00 dan sijil sebagai suntikan motivasi dalam memartabatkan inovasi.

4. Bagi memastikan pemilihan calon-calon yang benar-benar layak, tadbir urus penilaian AIPM dilaksanakan melalui dua (2) peringkat jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pemilihan dengan keahlian terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi kerajaan, individu-individu terkemuka merentasi sektor swasta, akademia dan badan bukan kerajaan (NGO).
5. Terdapat empat (4) kriteria utama dalam penilaian AIPM iaitu KREATIVITI, KEBERKESANAN, RELEVAN dan SIGNIFIKAN serta turut mengambil kira empat (4) prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu impak positif yang tinggi, kos yang minimum, pelaksanaan pantas dan perubahan yang mampan.
6. Bagi AIPM 2017, sebanyak 111 penyertaan telah diterima daripada pelbagai agensi kerajaan yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Negeri, Agensi Persekutuan dan Negeri, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, Universiti/Kolej Awam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Daripada jumlah tersebut sembilan (9) calon telah disenarai pendek untuk dibawa ke Jawatankuasa Pencalonan manakala Jawatankuasa Pencalonan pula telah menyenarai pendek lima (5) calon kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk memutuskan penerima Anugerah terunggul ini. Finalis-finalis AIPM 2017 adalah seperti berikut:

- i) *Soaring Upwards: Memartabatkan Sistem Pendidikan Tinggi Negara Di Persada Global - Kementerian Pendidikan Tinggi;*

- ii) Mass Rapid Transit (MRT): Ikonografi Tadbir Urus Pengurusan Projek Ideal - **Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp);**
- iii) *MamaCare:* Memartabatkan Urutan Tradisional Untuk Kesejahteraan Dan Pemerkasaan Ekonomi Wanita - **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);**
- iv) *Innovating Healthcare For Healthier Malaysians* - **Kementerian Kesihatan Malaysia;** dan
- v) Sekolah Amanah Melengkapi Transformasi Pendidikan Negara - **Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan AMIR.**

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan  
Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri  
03-8872 3138